

31/12/1998

IPP kebanggaan peladang moden

Bakhari Ariff

BERKONSEPKAN sebuah hotel, Institut Pengurusan Peladang (IPP) yang terletak di Pekan Kuah, Langkawi menjadi satu kemegahan kepada anggota Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) atau kepada semua peladang di negara ini.

IPP Langkawi yang bernilai kira-kira RM11 juta, bercirikan reka bentuk timur mengandungi beberapa blok bangunan pelbagai tingkat, bersambung dengan blok utama setinggi tujuh tingkat.

Meskipun kelihatan sebagai sebuah hotel, ia diwujudkan di atas kesedaran bahawa peladang perlu dilatih secara menyeluruh dan bersepadu dari segi aspek keusahawanan, seni pengurusan dan kaedah pertanian moden.

Oleh sebab pertanian menjadi semakin kompleks, kini peladang memerlukan kemahiran pengurusan modal, pengurusan teknikal, kewangan, akaun, sumber manusia dan pengurusan pemasaran.

Justeru, IPP Langkawi yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 6 Disember lalu akan menjadi pusat latihan utama kepada peladang dan orang ramai untuk memahami kaedah pengurusan pertanian moden.

Menurut Ketua Pengarah LPP, Datuk A Rahim Rahmat, bidang pengurusan yang diutamakan di IPP Langkawi termasuk kepimpinan, perundangan, pengurusan projek, kewangan, mengurus dan mentadbir pertubuhan peladang, kemahiran dalam komputer dan multimedia, kejenteraan ladang dan motivasi.

IPP Langkawi akan menjadi pelengkap kepada institut peladang lain atau lebih dikenali sebagai 'Peladang Ins' di Sungai Petani, Johor Baharu, Rompin dan Machang.

Sasaran pengguna utama IPP Langkawi ialah pegawai LPP atau PPK, pegawai sektor awam, usahawan peladang yang berhasrat membangunkan produk keluarannya, belia-belia peladang, pelancong domestik dan luar negara.

Orang ramai dan swasta bukan saja berpeluang menggunakan kemudahan di IPP Langkawi bagi menganjurkan kursus, seminar malah untuk percutian individu.

Ini kerana antara kemudahan yang disediakan termasuk dewan seminar yang dilengkapi alat pandang dengar yang boleh memuatkan 160 peserta dan enam bilik bengkel yang boleh memuatkan 120 peserta.

(END)